

6.4.2024

Siaran Media


**IR. PATHMANATHAN K.**  
CEO, PBAHB dan PBAPP.

**EMPANGAN AIR ITAM: 66.5MM HUJAN PADA MAC 2024. GUNAKANLAH AIR DENGAN BERHEMAT SEHINGGA LEBIH BANYAK HUJAN MENGISI SEMULA EMPANGAN.**

- Pada Februari 2024, purata penggunaan air di Pulau Pinang ialah 927 juta liter sehari (JLH), berbanding purata tahunan 877 JLH bagi tahun 2023.

PULAU PINANG, Sabtu, 6.4.2024: PBAPP ingin mengingatkan pengguna air Pulau Pinang supaya berhemat menggunakan air sehingga hujan tiba bagi menambah simpanan air mentah Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang.

Carta berikut menunjukkan kapasiti efektif kedua-dua empangan ini pada Mac 2024:



Pada Mac 2024, PBAPP merekodkan 66.5mm hujan di kawasan tadahan air (KTA) Empangan Air Itam. PBAPP telah berusaha untuk “menstabilkan” kapasiti efektif empangan ini melalui pelaksanaan Pelan Tindakan Empangan Air Itam 2024 (AIDAP 2024). Kapasiti efektif empangan turun sebanyak 2.0% dalam tempoh 31 hari.

Sementara itu, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang turun sebanyak 11.0% dalam tempoh yang sama. Pada Mac 2024, taburan hujan yang direkodkan di KTA Empangan Teluk Bahang ialah 133.0mm.

Harap maklum bahawa kapasiti efektif maksimum Empangan Teluk Bahang ialah 18,240 juta liter (ML) manakala kapasiti efektif Empangan Air Itam ialah 2,160 ML. Oleh yang demikian, penurunan 1.0% dalam kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang secara kasarnya bersamaan dengan penurunan 8.4% dalam kapasiti efektif Empangan Air Itam.

### 3 faktor utama

Berikut adalah 3 faktor utama yang mempengaruhi dan menjelaskan status Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang pada Mac 2024:

1. AIDAP 2024: Di bawah AIDAP 2024, PBAPP telah mengepam 33 juta liter air terawat sehari (JLH) dari Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua ke kawasan perkhidmatan Air Itam untuk “mempertahankan” kapasiti efektif Empangan Air Itam yang rendah.
2. Perubahan Iklim dan Hujan: Kira-kira 133.0mm hujan direkodkan di KTA Empangan Teluk Bahang, berbanding 66.5mm di KTA Air Itam. Bagaimanapun, kapasiti efektif empangan itu menurun sebanyak kira-kira 11.0% pada Mac 2024.
3. Penggunaan Air Tinggi: Purata penggunaan air harian di Pulau Pinang untuk bulan Februari 2024 adalah 927 JLH, berbanding purata tahunan 877 JLH untuk 2023. Ini mencerminkan peningkatan 50 JLH.

### Kurangkan penggunaan air

Berdasarkan fakta dan angka berikut, cara terbaik dan paling rasional untuk memastikan kecukupan bekalan air di Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah dengan mengurangkan penggunaan air sebanyak 10%:

- Empangan Air Itam telah beroperasi pada tahun 1963 dan Empangan Teluk Bahang dibuka secara rasmi pada tahun 1999. Kedua-dua empangan direka bentuk untuk diisi semula oleh hujan di KTA masing-masing. Berbeza dengan

Empangan Mengkuang Diperbesarkan (EMD) di Seberang Perai, empangan di Pulau Pulau Pinang ini tidak boleh diisi semula dengan mengepam air mentah dari sungai.

- Adalah tidak berdaya maju bagi PBAPP untuk melaksanakan pelan tindakan lain (seperti AIDAP 2024) untuk mempertahankan kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang pada tahun 2024. LRA Sungai Dua telah beroperasi pada tahap optimum untuk memenuhi permintaan air yang tinggi dan mengepam 33 JLH air terawat ke kawasan perkhidmatan Air Itam.
- Ramalan cuaca antarabangsa menyatakan bahawa fenomena El Niño panas dan kering pada suku pertama 2024 berkemungkinan memberi laluan kepada fenomena La Niña basah dan hujan yang akan bermula dari Mei, Jun atau Julai 2024. METMalaysia meramalkan hujan “sederhana” untuk Pulau Pinang (200 – 250mm) pada April, Mei, Jun dan Julai 2024. Walau bagaimanapun, ini adalah ramalan. Kita tidak pasti bahawa hujan sebenar akan mencukupi untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang dengan ketara.
- Paras Sungai Muda, sumber air mentah utama Pulau Pinang, turun di bawah “paras selamat” 2.0m di muka sauk Lahar Tiang PBAPP selama 8 hari pada Mac 2024. Pada 31.3.2024, paras sungai ini “pulih” kepada 2.11m. Walau bagaimanapun, perlu diingat bahawa kapasiti Empangan Muda adalah 40.0% pada 29.3.2024 manakala kapasiti Empangan Beris ialah 89.2% pada 26.3.2024. Ini adalah dua empangan di Kedah yang dibina untuk mengalirkan air ke Sungai Muda pada musim kemarau.

Oleh itu, demi memastikan “keselamatan bekalan air” untuk Pulau Pinang, saya ingin merayu sekali lagi kepada semua pengguna air untuk mengurangkan penggunaan air sebanyak 10% pada April, Mei dan Jun 2024.

“Penjimatan air 10%” anda akan membantu memastikan bekalan air mencukupi untuk kita semua tahun ini. Untuk tip penjimatan air domestik, sila layari: [www.pba.com.my](http://www.pba.com.my)

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)